



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



ANALISIS KEPINCANGAN TERJEMAHAN AL-QURAN OLEH
ABDULLAH BASMEIH: SATU PERBANDINGAN DENGAN
TAFSIR AL-MUYASSAR

*ANALYSIS OF DEFICIENCIES IN THE QUR'AN TRANSLATION BY ABDULLAH
BASMEIH: A COMPARATIVE STUDY WITH TAFSIR AL-MUYASSAR*

Wafa Abdul Jabbar Shohibuddin^{1*}, Basri Ibrahim², Muhammad Lukman Mat Sin³

¹ Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin Malaysia

Email: wafa@kuips.edu.my

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin Malaysia

Email: basri@kuips.edu.my

³ Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin Malaysia

Email: drlukmanms@kuips.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.06.2025

Revised date: 09.07.2025

Accepted date: 13.08.2025

Published date: 10.09.2025

To cite this document:

Shohibuddin, W. A. J., Ibrahim, B., & Mat Sin, M. L. (2025). Analisis Kepincangan Terjemahan Al-Quran Oleh Abdullah Basmeih: Satu Perbandingan Dengan Tafsir Al-Muyassar. *International Journal of Modern Education*, 7 (26), 618-634.

DOI: 10.35631/IJMOE.726041

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini menganalisis kepincangan karya terjemahan al-Quran yang diberi nama *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, ia ditulis oleh Abdullah bin Mohd Basmeih dengan membuat perbandingan terhadap pendekatan dan penafsiran dalam *Tafsir al-Muyassar* terbitan Kompleks Percetakan al-Quran Raja Fahd, Madinah al-Munawwarah, sebuah tafsir ringkas berasaskan pendekatan semantik dan konteks. Kitab ini sesuai untuk bacaan umum dan digunakan secara meluas dalam program terjemahan makna al-Quran ke dalam pelbagai bahasa. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif terhadap ayat-ayat terpilih yang menunjukkan perbezaan yang jelas dari segi makna, konteks, dan kefahaman teologi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa kekeliruan dan kekurangan dari segi pemilihan istilah, pengguguran unsur penafsiran, dan penyimpangan maksud asal ayat dalam terjemahan Abdullah Basmeih. Implikasi kajian ini menyeru kepada keperluan penambahbaikan dalam usaha penterjemahan makna al-Quran agar selari dengan pendekatan tafsir muktabar.

Kata kunci:

Terjemahan al-Quran, Abdullah Basmeih, Tafsir al-Muyassar, Semantik, Kepincangan Makna

Abstract:

This article analyses the deficiencies found in the Qur'anic translation work entitled *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, authored by Abdullah bin Mohd Basmeih. The study makes a comparative analysis with the approach and interpretation of *Tafsir al-Muyassar*, published by the King Fahd Complex for the Printing of the Holy Qur'an in Madinah al-Munawwarah. This concise tafsir employs a semantic and contextual methodology and is widely accepted for general readership as well as in Qur'anic translation projects across multiple languages. The research adopts a qualitative analytical method by examining selected Qur'anic verses that exhibit clear differences in meaning, contextual understanding, and theological interpretation. The findings indicate several inconsistencies and shortcomings in Abdullah Basmeih's translation, particularly in terms of lexical choice, omission of exegetical elements, and deviation from the original intended meanings of the verses. The implications of this study call for improvements in Qur'anic translation efforts to ensure alignment with recognised and authoritative tafsir methodologies.

Keywords:

Qur'an Translation, Abdullah Basmeih, Tafsir Al-Muyassar, Semantics, Meaning Deficiencies

Pendahuluan

Penterjemahan al-Quran merupakan medium yang signifikan dalam menyampaikan mesej wahyu kepada khalayak bukan Arab, khususnya dalam konteks negara Muslim seperti Malaysia. Keperluan terhadap pemahaman teks suci al-Quran dalam bahasa ibunda mendorong kepada penghasilan pelbagai versi terjemahan oleh tokoh tempatan, dengan matlamat untuk mendekatkan masyarakat kepada ajaran Islam secara lebih holistik. Dalam konteks tempatan, teks terjemahan al-Quran yang diusahakan oleh Abdullah Basmeih dan diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sejak tahun 1980-an telah menjadi sumber utama dalam pelbagai institusi pendidikan serta platform dakwah. Terjemahan ini bukan sahaja diedarkan secara meluas, malah turut diiktiraf sebagai versi autoritatif oleh masyarakat umum (JAKIM, 2015).

Namun, wujud beberapa isu penting yang mendorong kepada penilaian semula ke atas ketepatan dan keberkesanan terjemahan mutakhir ini. Pertama, kecenderungan terhadap terjemahan literal tanpa mengambil kira konteks semantik dan objektif ayat menyebabkan kekeliruan, khususnya dalam ayat-ayat berkaitan hukum, akidah dan akhlak (Roslan, Rahman & Ibrahim, 2018). Kedua, wujud keciciran terhadap unsur penafsiran yang penting dalam memahami ayat-ayat yang bersifat metafora atau mengandungi istilah teknikal keagamaan (Yahaya, 2021). Ketiga, masyarakat awam yang menjadikan teks terjemahan sebagai sumber utama mungkin tidak dapat memahami secara tepat maksud ayat tanpa sokongan penjelasan konteks. Oleh kerana itu, Al Farisi (2023) mencadangkan bahawa terjemahan yang berkesan perlu menyeimbangkan ketepatan, kejelasan dan kerelevanan dengan menggunakan pelbagai teknik bagi menyampaikan mesej sebenar yang dikehendaki.

Dalam kajian semantik dan tafsir moden, penterjemahan al-Quran tidak boleh hanya bersifat harfiah atau literal, sebaliknya perlu mengambil kira konteks dan maksud asal ayat sebagaimana yang dihuraikan oleh para mufassir (Albahiri dan Mohammed Alhaj, 2024).

Dalam konteks ini, pendekatan tafsir semantik seperti yang terdapat dalam Tafsir al-Muyassar, dilihat mampu menawarkan alternatif yang lebih sistematis dan berorientasikan makna. Tafsir ini disusun oleh sekumpulan ulama di bawah Mujamma' al-Malik Fahd dan terkenal dengan gaya penulisan yang jelas, ringkas, dan berpaksikan kepada makna tersurat dan tersirat berdasarkan sumber tafsir bi al-ma'thur (Al-Mullā et al., 2007).

Perbandingan antara terjemahan al-Quran oleh Abdullah Basmeih dan tafsir ringkas seperti Tafsir al-Muyassar memperlihatkan sejumlah perbezaan yang ketara, khususnya dari aspek ketepatan semantik dan kejelasan makna ayat. Karya Abdullah Basmeih menumpukan kepada penterjemahan literal teks al-Quran ke dalam bahasa Melayu, namun pendekatan ini berpotensi untuk tidak menyampaikan keseluruhan makna yang mendalam disebabkan oleh perbezaan linguistik dan nuansa budaya (Alenzi, 2024). Sebaliknya, *Tafsir al-Muyassar* menggabungkan unsur tafsir dalam penyampaiannya, dengan memberikan penjelasan yang dapat memperincikan ayat-ayat yang kabur, sekali gus membantu pembaca memahami mesej yang dimaksudkan (Bouamrane, 2024). Manakala menurut (Abdullah, 2017) terjemahan oleh Abdullah Basmeih kadangkala menampilkan struktur ayat yang kompleks dan rujukan kata ganti nama yang kabur, yang boleh menjejaskan kebolehbacaan dan kefahaman pembaca. *Tafsir al-Muyassar* pula menggunakan bahasa yang lebih mudah dan jelas, menjadikannya lebih mesra pembaca, khususnya bagi mereka yang ingin memahami ajaran al-Quran secara lebih langsung dan tepat (Fakhry, 2004). Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap kebergantungan masyarakat awam sepenuhnya kepada teks terjemahan, yang mungkin tidak mewakili maksud sebenar al-Quran dengan tepat.

Sehubungan itu, artikel ini dijalankan dengan tiga objektif utama:

Pertama: Untuk mengenal pasti bentuk-bentuk kepincangan dalam terjemahan al-Quran oleh Abdullah Basmeih yang melibatkan aspek semantik dan kontekstual.

Kedua: Untuk membandingkan hasil terjemahan tersebut dengan tafsiran yang diketengahkan dalam Tafsir al-Muyassar, khususnya dalam ayat-ayat yang mengandungi unsur hukum, akidah, akhlak dan perumpamaan.

Ketiga: Menilai kesan perbezaan ini terhadap kefahaman pembaca dalam memahami mesej sebenar al-Quran.

Dapatan kajian ini dijangka dapat menyumbang secara langsung kepada usaha penambahbaikan penterjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu, dengan mencadangkan pendekatan tafsir ringkas yang berorientasikan makna dan konteks sebagai kerangka rujukan yang lebih sesuai. Implikasi daripada kajian ini juga memberikan asas kepada pembinaan semula teks terjemahan yang lebih tepat, telus dan berwibawa, sejajar dengan keperluan masyarakat Islam kontemporari yang memerlukan kefahaman al-Quran secara holistik dan sahih.

Sorotan Literatur

Kajian terhadap terjemahan al-Quran dalam Bahasa Melayu menunjukkan perkembangan signifikan sejak dekad 1980-an (Zakaria, 2023; Hussin & Kamal, 2021), khususnya selepas penerbitan terjemahan oleh Abdullah Basmeih yang menjadi teks rasmi di Malaysia. Karya ini berjasa dalam membawa masyarakat Melayu mendekati pengertian wahyu. Namun, perkembangan ini turut membuka ruang kepada penilaian kritis, terutamanya berkaitan isu ketepatan semantik, kekaburan istilah, dan kekonsistenan terjemahan apabila dibandingkan

dengan pendekatan tafsir kontemporari yang lebih menekankan dimensi kontekstual dan kefahaman makna secara menyeluruh (Zakaria, 2023; Yahaya, 2021).

Menurut Roslan (2018), terjemahan Bahasa Melayu masih cenderung kepada pendekatan literal (harfiyyah) yang tidak sentiasa berjaya menyampaikan makna sebenar lafaz Arab, khususnya bagi ayat-ayat hukum, metafora (*amthāl*), dan ayat berkaitan akidah. Kekangan ini turut dikupas oleh Shukri (2015), yang menegaskan bahawa ketiadaan sokongan tafsir dalam terjemahan boleh membawa kepada salah faham dalam kalangan pembaca awam. Perkara ini diperkuat oleh Boukli-Hacene dan Benhattab (2024) yang menyatakan bahawa pendekatan literal memerlukan intervensi tafsir jika ingin mencapai kesepadanan semantik antara bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Sebagai respons terhadap kelemahan tersebut, *Tafsir al-Muyassar* dilihat menawarkan pendekatan alternatif yang lebih sesuai dengan keperluan semasa. Tafsir ini bersifat ringkas, padat dan berasaskan *tafsir bi al-ma'thur*, yang bertujuan menjelaskan makna ayat dengan bahasa mudah tanpa mengorbankan ketepatan (Mujamma' al-Malik Fahd, 2007). Yahaya (2021) menegaskan bahawa *Tafsir al-Muyassar* lebih praktikal sebagai rujukan untuk penambahbaikan terjemahan Melayu kerana gaya tafsirannya yang jelas, tidak terlalu teknikal tetapi tetap setia kepada makna asal teks.

Dari sudut teori, pendekatan yang diketengahkan oleh Hatim dan Munday (2004) melalui *model skopos* dan *teori relevans* menekankan bahawa penterjemahan teks agama seperti al-Quran perlu mengambil kira bukan sahaja makna literal, tetapi juga konteks pragmatik, budaya dan fungsi teks kepada khalayak sasaran. Baker (2011) turut menketengahkan konsep *meaning-based translation* yang mengiktiraf bahawa makna tersirat (*implicit meaning*) perlu dijelaskan secara kontekstual agar tidak disalahtafsir. Tambahan lagi, menurut Albahiri dan Alhaj (2024), pemahaman terhadap penggunaan perkataan secara makna literal (leksikal) pada budaya dalam al-Quran perlu dikaitkan dengan pendekatan menganalisis makna berdasarkan konteks penggunaan dan situasi komunikasi (pragmalinguistik) agar mesej wahyu dapat difahami dalam lingkungan budaya sasaran.

Gabungan kritikan akademik dan teori-teori penterjemahan moden menunjukkan dengan jelas bahawa terjemahan Abdullah Basmeih perlu diteliti semula secara sistematik. Hal ini penting bukan hanya dari sudut akademik, tetapi juga dari sudut praktikal terhadap keberkesanan penyampaian mesej wahyu kepada masyarakat umum. Kelemahan terjemahan literal tanpa pendekatan tafsiran yang kontekstual boleh menyebabkan maksud ayat tersasar daripada yang dimaksudkan oleh al-Quran.

Jadual 1: Ringkasan Penemuan Kajian Lepas Berkaitan Terjemahan al-Quran ke Bahasa Melayu

Kajian	Tahun	Fokus	Dapatan Utama
Yahaya, M. H.	2021	Terjemahan berasaskan tafsir ringkas (<i>Tafsir al-Muyassar</i>)	Menyokong kefahaman makna dengan pendekatan tidak literal
Zakaria, M. F.	2023	Sejarah dan analisis amalan terjemahan al-Quran di Malaysia	Terjemahan Abdullah Basmeih dianggap asas, tetapi memerlukan semakan semula

Kajian	Tahun	Fokus	Dapatan Utama
Albahiri & Alhaj	2024	Cabaran linguistik terjemahan al-Quran	dalam Menyaran pendekatan semantik dan pragmalinguistik
Boukli-Hacene & Benhattab	2024	Keseimbangan literal dan kebolehbacaan	Menyokong terjemahan dengan tafsir ringkas sebagai panduan
Yeob et al.	2024	Akses dan metodologi baharu terjemahan al-Quran	Digitalisasi membantu penyebaran tetapi isu makna masih wujud

Biografi Abdullah Basmeih

Abdullah Basmeih bin Muhammad Basmeih dilahirkan pada 29 Disember 1913 di Ma'badah, Mekah. Beliau berasal daripada keturunan Arab-Hadrami; nama keluarganya "Basmeih" atau sebutan asalnya "Basumayh" merujuk kepada satu gelaran yang diberikan kepada golongan peniaga dari Hadramaut, sebuah lembah bersejarah di Yaman yang terletak di Semenanjung Tanah Arab. Bapanya, Syeikh Muhammad Basmeih bin Salleh Basmeih, berasal dari Hadramaut, manakala ibunya, Aisyah binti Abdullah bin Hammad, berasal dari wilayah Bishah.

Abdullah Basmeih dibesarkan di Mekah sehingga usia 12 tahun. Beliau pernah dihantar ke Suq al-Layl untuk mendalami ilmu agama. Latar belakang keilmuan awalnya di Mekah dibentuk oleh suasana keagamaan yang kukuh sebelum beliau berhijrah bersama keluarganya ke Tanah Melayu. Di sini, beliau meneruskan pendidikan formal di Sekolah Melayu Pengkalan Balak pada tahun 1927 dan seterusnya di Sekolah Melayu Bukit Gua. Namun, disebabkan kekangan kewangan, beliau hanya sempat menamatkan pelajaran hingga darjah lima sahaja (Muhammad Arif Musa et al., 2018).

Meskipun dilahirkan dan dibesarkan di Mekah, Abdullah Basmeih fasih berbahasa Melayu kerana kehidupannya dikelilingi oleh masyarakat Melayu sebaik sahaja menetap di Tanah Melayu (Wan Ramizah Hasan, 2019). Penguasaan beliau dalam bahasa Arab pula berada pada tahap tinggi, membolehkannya menterjemahkan pelbagai karya penting, termasuk sejarah hidup beberapa tokoh besar Islam seperti Saidatina Aisyah (1950), Saidina Ali (1950), Saidina Abu Bakar al-Siddiq (1951), dan Rasulullah SAW sendiri (1952–1953).

Antara sumbangan terbesarnya kepada dunia ilmu Islam di Malaysia ialah karya agung Tafsir Pimpinan al-Rahman dan kompilasi Mastika Hadith, yang menjadi rujukan penting dalam masyarakat. Sepanjang kerjaya, beliau pernah berkhidmat di syarikat-syarikat penerbitan seperti Qalam Press dan Utusan Melayu, sama ada di Singapura mahupun di Malaysia. Beliau juga aktif sebagai penulis bebas sebelum dipinjamkan ke Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan tugas penting menterjemah dan mentafsir al-Quran bagi kegunaan rasmi negara. Walaupun terikat dengan tanggungjawab pekerjaan dan keluarga, beliau tidak pernah mengabaikan minat dan komitmennya dalam bidang penulisan. Abdullah Basmeih turut aktif menghantar karya-karyanya ke pelbagai penerbitan akhbar. Dalam kehidupan peribadinya, beliau berkahwin dua kali. Isteri pertamanya, Hajah Hawa Puteh, dinikahi di Singapura dan dikurniakan 14 orang cahaya mata. Setelah 49 tahun bersama, Hajah Hawa kembali ke rahmatullah. Beliau kemudiannya berkahwin dengan Hajah Rahmah.

Pada 14 Julai 1996, dalam usia 84 tahun, Abdullah Basmeih telah menghembuskan nafas terakhir dalam perjalanan ke hospital setelah mengalami rasa kurang sihat di kediamannya (Wan Ramizah Hasan, 2019). Pemergian beliau meninggalkan legasi besar dalam bidang dakwah, penulisan, dan penterjemahan al-Quran di rantau Nusantara.

Pengenalan Kitab Tafsir *Pimpinan al-Rahman*

Tradisi penulisan tafsir dalam kalangan ulama Melayu telah bermula sejak sekian lama, khususnya selepas para sarjana tempatan pulang daripada pengajian mereka di pusat-pusat ilmu Islam utama seperti Mekah, Mesir, India dan Patani. Perkembangan ini kian terserlah sekitar awal abad ke-20, khususnya pada tahun 1909 dan seterusnya (Ismail Yusoff, 1995). Dalam landskap tafsir Melayu, antara karya monumental yang dihasilkan ialah Tafsir Pimpinan al-Rahman, sebuah tafsir lengkap 30 juzuk dalam bahasa Melayu yang diterbitkan secara rasmi pada tahun 1972, menyusuli karya terdahulu seperti Tafsir Nur al-Ihsan karangan Tuan Haji Muhammad Said (1934).

Pimpinan al-Rahman merupakan inisiatif rasmi pertama kerajaan Malaysia dalam usaha menterjemah dan mentafsir al-Quran ke dalam bahasa Melayu. Usaha ini telah diluluskan dalam Persidangan Majlis Raja-Raja Melayu pada 13 Jun 1963 (Wan Ramizah Hasan, 2019). Proses penyediaannya dilakukan secara berperingkat dalam tiga fasa utama. Fasa pertama menyaksikan penerbitan sepuluh juzuk pertama yang siap menjelang akhir 1968. Fasa kedua merangkumi sepuluh juzuk seterusnya yang disiapkan dalam tempoh dua tahun dan diterbitkan pada tahun 1970, manakala baki sepuluh juzuk terakhir diselesaikan pada tahun 1972. Keseluruhan proses mengambil masa lima tahun dan ditulis sepenuhnya dalam tulisan jawi. Semakan akhir terhadap teks terjemahan dilakukan oleh Tuan Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, bekas Mufti Kelantan.

Pada tahun 1980, edisi pertama dalam tulisan rumi diterbitkan dalam satu jilid di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sambutan hangat daripada masyarakat menyaksikan kitab ini dicetak semula berkali-kali (Nasimah Abdullah, 2015). Keistimewaan Tafsir Pimpinan al-Rahman bukan sahaja terletak pada keterangannya yang mudah difahami, malah juga pada pendekatan manhajinya yang tersusun.

Menurut Wan Ramizah Hasan (2019), terdapat tiga pendekatan utama yang diterapkan oleh Abdullah Basmeih dalam karya ini. Pertama, setiap surah didahului oleh mukadimah ringkas yang memberikan gambaran umum isi kandungan serta fokus utama surah berkenaan. Kedua, terjemahan al-Quran dilakukan secara maknawiyah, iaitu dengan memindahkan maksud ayat, bukan semata-mata lafaz. Ketiga, penjelasan lanjut diberikan melalui pendekatan tafsiriyyah terhadap ayat-ayat tertentu yang memerlukan huraian tambahan, disertai dengan riwayat hadith sebagai sokongan tafsir.

Kitab ini telah diguna pakai secara meluas dalam pelbagai sektor. Di peringkat pendidikan, Pimpinan al-Rahman menjadi bahan rujukan rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui penerbitan khas untuk para pelajar dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri. Ia turut digunakan dalam buku-buku teks Pendidikan Islam di sekolah-sekolah. Di institusi pengajian tinggi pula, kitab ini dijadikan sumber rujukan penting dalam kajian ilmiah, termasuk disertasi dan tesis pelajar dalam bidang pengajian Islam.

Usaha pengembangan tafsir ini turut diperluas ke dalam pelbagai bahasa dan medium. Sebagai contoh, versi Mandarin diterbitkan oleh JAKIM pada tahun 2019 dengan kerjasama pertubuhan Cina Muslim sebagai inisiatif mendekatkan muallaf kepada al-Quran. Selain itu, Pimpinan al-Rahman turut diintegrasikan ke dalam teknologi bantuan khas seperti mesin e-Braille hasil kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sejak tahun 2009, bagi membolehkan golongan cacat penglihatan mengakses kandungan al-Quran dengan lebih mudah.

Seiring perkembangan teknologi, tafsir ini kini boleh diakses melalui aplikasi mudah alih Smart al-Quran yang dibangunkan oleh KDN, JAKIM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Aplikasi ini memberi kemudahan kepada pengguna telefon pintar untuk merujuk terjemahan ayat al-Quran secara pantas dan efisien.

Pengenalan Kitab *Tafsir Al-Muyassar*

Kitab Tafsir al-Muyassar merupakan salah satu hasil usaha kolektif yang dilaksanakan oleh sekumpulan sarjana dan pakar tafsir di bawah naungan Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'at al-Mushaf al-Sharif, Madinah al-Munawwarah. Projek ini bermula pada awal 1990-an sebagai respons terhadap keperluan umat Islam terhadap tafsir yang ringkas, mudah difahami dan bebas daripada perbahasan khilaf yang kompleks. Kitab ini diterbitkan secara rasmi pada tahun 2000 oleh Percetakan al-Quran Raja Fahd dan diedarkan secara percuma ke seluruh dunia Islam (Al-Mullā et al., 2007). Dalam persekitaran global yang semakin memerlukan pendekatan ringkas tetapi sahih terhadap al-Quran, Tafsir al-Muyassar muncul sebagai satu model tafsir semasa yang berkesan.

Dari sudut metodologi, Tafsir al-Muyassar menampilkan pendekatan tafsir ijmalī dan tafsir bi al-ma'thur, iaitu pendekatan ringkas tetapi berpaksikan kepada dalil-dalil sahih yang diriwayatkan daripada al-Quran, al-Sunnah, pandangan para sahabat serta mufasssirin klasik. Karya-karya utama seperti Tafsir Ibn Kathir, al-Tabari, dan al-Baghawi menjadi rujukan utama bagi mengukuhkan keabsahan tafsiran. Walau bagaimanapun, kitab ini menghindari perbahasan panjang tentang isu fiqh atau kalam agar tidak membebankan pembaca awam (Al-Mullā et al., 2007; Al-Sa'dī, 2000). Penulisan ayat demi ayat dengan huraian makna yang padat menjadikan kitab ini mudah dirujuk, terutama dalam konteks pembelajaran asas dan pengajaran agama.

Tujuan utama penghasilan kitab ini ialah untuk menyediakan tafsir al-Quran yang bersifat mesra pengguna, sesuai untuk pelbagai peringkat masyarakat Islam, tanpa mengabaikan ketepatan tafsiran. Dalam mukadimahnyanya, penyusun menegaskan bahawa karya ini bertujuan memudahkan pemahaman ayat al-Quran dalam bentuk yang jelas dan bebas daripada istilah teknikal yang berat (Mujamma' al-Malik Fahd, 2007). Tafsir ini dilihat amat sesuai sebagai teks sokongan bagi program pendidikan al-Quran di sekolah dan institusi pengajian tinggi serta digunakan secara langsung dalam terjemahan ke pelbagai bahasa.

Antara kelebihan utama Tafsir al-Muyassar adalah gaya persembahannya yang tersusun, padat dan tidak mengelirukan. Setiap surah dimulakan tanpa mukadimah panjang, dan ayat-ayat dijelaskan secara langsung berdasarkan makna tersurat dan tersirat. Gaya ini sangat sesuai untuk golongan bukan pakar, kerana tidak memerlukan pengetahuan mendalam dalam ilmu tafsir, fiqh atau usul. Selain itu, pendekatan semantik dan balaghah turut diambil kira bagi menjelaskan aspek keindahan bahasa dan mesej mendalam ayat-ayat al-Quran (Yahaya, 2021).

Justeru, kitab ini menjadi alat bantu dakwah dan pengajaran yang sangat berkesan dalam era moden.

Tambahan pula, Tafsir al-Muyassar telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa termasuk Inggeris, Perancis, Turki, Indonesia, dan Melayu sebagai usaha menjadikan tafsir al-Quran lebih inklusif dan sejagat. Di Malaysia, kitab ini digunakan sebagai rujukan dalam proses penambahbaikan terjemahan rasmi al-Quran dan penilaian kritis terhadap karya-karya terdahulu seperti terjemahan oleh Abdullah Basmeih. Kajian kontemporari menunjukkan bahawa Tafsir al-Muyassar amat sesuai dijadikan kerangka asas dalam kerja-kerja penterjemahan semantik al-Quran, terutamanya kerana sifatnya yang menjelaskan makna ayat secara tepat dan kontekstual (Yahaya, 2021; Al-Mullā et al., 2007).

Analisis Perbincangan

Ayat Hukum (Fihiyyah)

Firman Allah Taala:

﴿الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ﴾ [النور: 2]

Terjemahan Abdullah Basmeih (Abdullah Basmeih, 2001): “Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya 100 kali sebat.”

Tafsir al-Muyassar (Nukhbah Min Ulama' Tafsir, 2013):

(الزانية والزاني اللذان لم يسبق لهما الزواج، عقوبة كل منهما مائة جلدة بالسوط)

Terjemahan: “Penzina lelaki dan perempuan yang belum berkahwin, hukuman bagi setiap dari mereka adalah sebanyak seratus sebatan”

Analisis:

Basmeih tidak membezakan antara penzina yang telah berkahwin (muhsan) dan belum berkahwin (ghayr muhsan), sedangkan konteks ayat ini menurut jumhur ulama hanya merujuk kepada penzina belum berkahwin. *Tafsir al-Muyassar* menjelaskan secara ringkas tetapi tepat: ayat ini khusus kepada *ghayr muhsan* dan hukuman dijalankan secara terbuka sebagai bentuk pencegahan sosial (*zajr*).

Kepincangan dikenalpasti:

- Tiada penjelasan terhadap konteks hukum (kategori penzina).
- Terjemahan literal mengundang salah faham masyarakat terhadap pelaksanaan hudud.

Firman Allah Taala:

﴿وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا﴾ [المائدة: 38]

Terjemahan Abdullah Basmeih (Abdullah Basmeih, 2001):

“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri, maka (hukumnya) potonglah tangan mereka...”

Tafsir al-Muyassar (Nukhbah Min Ulama' Tafsir, 2013):

(والسارق والسارقة فاقطعوا - يا ولادة الأمر - أيديهما بمقتضى الشرع)

Terjemahan: “Wahai penguasa! Potonglah tangan pencuri lelaki dan Perempuan dengan mengikut hukum syara’.”

Analisis:

Basmeih menterjemah secara literal tanpa syarat-syarat pelaksanaan hudud, menyebabkan pembaca awam mungkin salah faham bahawa hukuman potong tangan adalah automatik tanpa proses hukum. Al-Muyassar menyebut “jika sabit dan cukup syarat,” menekankan prinsip keadilan Islam.

Kepincangan dikenali:

- i. Tiada keterangan bahawa pelaksanaan hukum mencuri terikat dengan syarat-syarat tertentu (jumlah nilai curian, pengawasan, keadaan sosioekonomi).
- ii. Frasa "potonglah tangan mereka" boleh disalahfahami sebagai arahan mutlak dan automatik.
- iii. Ketiadaan penjelasan maqasid atau hikmah hukuman.

Ayat Akidah (Tauhidiyyah)
Firman Allah Taala:

﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ﴾ ﴿اللَّهُ الصَّمَدُ﴾ ﴿لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ﴾ ﴿وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ﴾

[الإخلاص: 1-4]

Terjemahan Abdullah Basmeih (Abdullah Basmeih, 2001):

“Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa...”

Tafsir al-Muyassar (Nukhbah Min Ulama' Tafsir, 2013):

(قل - أيها الرسول - : هو الله المتفرد بالألوهية، والربوبية، والأسماء والصفات..) (الله الذي كمل في

صفات الشرف والمجد والعظمة، الذي يقصده الخلاق في قضاء الحوائج والرغائب)

Terjemahan: “(Katakanlah - wahai Rasul -: Dialah Allah, Tuhan yang Maha Esa dalam keagungan Uluhiyyah, Rububiyyah serta nama-nama dan sifat-sifat-Nya yang sempurna...). (Dialah Allah yang sempurna dalam segala sifat kemuliaan, kebesaran dan keagungan; kepada-Nya seluruh makhluk bergantung dalam memenuhi keperluan dan hajat mereka)”

Analisis:

Basmeih menterjemah dengan tepat secara harfiah, tetapi Tafsir al-Muyassar menambah penjelasan makna “al-Samad” sebagai tempat bergantung seluruh makhluk dan “ahad” sebagai keesaan dalam zat dan sifat, yang sangat penting dalam pemahaman tawhid.

Kepincangan dikenalpasti:

- i. Terjemahan terlalu ringkas tanpa penjelasan tafsiran “al-Ṣamad” dan “Aḥad” yang menjadi asas tauhid.
- ii. Pembaca awam mungkin tidak memahami keunikan sifat Allah berbanding makhluk.

Firman Allah Taala:

﴿إِنْ تَكْفُرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنْكُمْ﴾ [الزمر: 7]

Terjemahan Abdullah Basmeih (Abdullah Basmeih, 2001):

“Jika kamu kufur (engkar), maka sesungguhnya Allah tidak berhajat kepada kamu...”

Tafsir al-Muyassar (Nukhbah Min Ulama’ Tafsir, 2013):

(إِنْ تَكْفُرُوا - أَيُّهَا النَّاسُ - بِرَبِّكُمْ وَلَمْ تَتَّبِعُوا رِسْلَهُ، فَإِنَّهُ غَنِيٌّ عَنْكُمْ، لَيْسَ بِحَاجَةٍ إِلَيْكُمْ، وَأَنْتُمْ الْفُقَرَاءُ إِلَيْهِ، وَلَا يَرْضَى لِعِبَادِهِ الْكُفْرَ، وَلَا يَأْمُرُهُمْ بِهِ، وَإِنَّمَا يَرْضَى لَهُمْ شُكْرَ نِعْمِهِ عَلَيْهِمْ.)

Terjemahan: “Sekiranya kamu kufur - wahai manusia - terhadap Tuhan kamu, tidak beriman kepada-Nya dan tidak mengikuti para rasul-Nya, maka sesungguhnya Dia Maha Kaya daripada kamu; Dia tidak memerlukan kamu, sedangkan kamu sangat memerlukan-Nya. Dan Dia sama sekali tidak meredai kekufuran bagi hamba-hamba-Nya, serta tidak memerintah mereka untuk melakukannya. Sebaliknya, Dia meredai agar mereka bersyukur atas segala nikmat yang telah dikurniakan kepada mereka.”

Analisis:

Basmeih mengekalkan makna literal, tetapi *al-Muyassar* menjelaskan bahawa kufur tidak memberi kesan kepada Allah, dan hanya syukur yang mendatangkan keredhaan-Nya. Nilai tauhid dan rububiyah lebih terserlah dalam tafsir ini.

Kepincangan dikenalpasti:

- i. Tiada penegasan tentang kesan tauhid dan kufur dari perspektif rububiyah — bahawa Allah tidak terjejas oleh keimanan atau kekufuran manusia.
- ii. Kekurangan elemen hikmah dan hubungan antara iman, kufur dan keredaan Ilahi.

Ayat Akhlak

Firman Allah Taala:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ﴾ [الحجرات: 11]

Terjemahan Abdullah Basmeih (Abdullah Basmeih, 2001):

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah suatu kaum memperolok-olokkan kaum yang lain...”

Tafsir al-Muyassar (Nukhbah Min Ulama’ Tafsir, 2013):

(يا أيها الذين صدقوا الله ورسوله، وعملوا بشريعته لا يهزأ قوم مؤمنون من قوم مؤمنين عسى أن يكون المهزوء به منهم خيراً من الهازئين، ولا يهزأ نساء مؤمنات من نساء مؤمنات؛ عسى أن يكون المهزوء به منهن خيراً من الهازئات)

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya serta melaksanakan syariat-Nya, janganlah segolongan lelaki dalam kalangan kamu mencemuh atau memperolok-olokkan segolongan yang lain, kerana boleh jadi mereka yang diperolok itu lebih baik daripada yang mencemuh. Dan jangan pula sekumpulan wanita beriman mencemuh wanita lain, kerana mungkin mereka yang diperolokkan itu lebih mulia di sisi Allah daripada yang mencemuh.”

Analisis:

Basmeih menyampaikan larangan dengan betul tetapi tidak mengembangkan hikmah larangan. Al-Muyassar memberi sebab larangan – mungkin yang dihina lebih baik di sisi Allah – satu pendekatan akhlak yang lebih mendalam.

Kepincangan dikenalpasti:

- i. Terjemahan literal tanpa menyampaikan alasan hikmah larangan menghina: bahawa orang yang dihina mungkin lebih mulia di sisi Allah.
- ii. Tidak menekankan nilai-nilai tasawwur akhlak Islam dalam hubungan sosial.

Firman Allah Taala:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا﴾ [الإسراء: 23]

Terjemahan Abdullah Basmeih (Abdullah Basmeih, 2001):

“Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya kamu tidak menyembah selain Dia, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa...”

Tafsir al-Muyassar (Nukhbah Min Ulama' Tafsir, 2013):

(وأمر ربك - أيها الإنسان - وألزم وأوجب أن يفرد سبحانه وتعالى وحده بالعبادة، وأمر بالإحسان إلى الأب والأم، وبخاصة حالة الشيخوخة)

Terjemahan: “Dan Tuhanmu - wahai manusia - telah memerintahkan, mewajibkan serta menetapkan agar Dia sahaja yang disembah tanpa sekutu, dan Dia juga telah memerintahkan supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapa, khususnya ketika mereka berada dalam keadaan tua dan lemah.”

Analisis:

Basmeih menyatakan maksud umum “berbuat baik,” manakala al-Muyassar menekankan bentuk perlakuan baik secara jelas (kata-kata, perbuatan, dan ketika mereka tua), menjadikan tuntutan akhlak lebih nyata dan praktikal.

Kepincangan dikenalpasti:

- i. Terjemahan “berbuat baik” terlalu umum, tidak menzahirkan bentuk akhlak khusus seperti kelembutan tutur kata, penjagaan semasa usia tua, atau larangan menyentuh kehormatan ibu bapa.
- ii. Ketiadaan nuansa adab dan tatacara dalam konteks kebaktian.

***Ayat Perumpamaan dan Metafora
Firman Allah Taala:***

﴿مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا﴾ [البقرة: 17]

Terjemahan Abdullah Basmeih (Abdullah Basmeih, 2001):

“Perbandingan mereka adalah seperti orang yang menyalakan api...”

Tafsir al-Muyassar (Nukhbah Min Ulama’ Tafsir, 2013):

(حال المنافقين الذين آمنوا - ظاهراً لا باطناً - برسالة محمد صلى الله عليه وسلم، ثم كفروا، فصاروا يتخبطون في ظلمات ضلالهم وهم لا يشعرون، ولا أمل لهم في الخروج منها، تُشبه حال جماعة في ليلة مظلمة، وأوقد أحدهم ناراً عظيمة للدفع والإضاءة، فلما سطعت النار وأنارت ما حوله، انطفأت وأعتمت، فصار أصحابها في ظلمات لا يرون شيئاً).

Terjemahan: “Keadaan golongan munafik yang beriman secara zahir namun kufur di dalam hati terhadap kerasulan Nabi Muhammad SAW adalah seperti orang yang hidup dalam kegelapan kesesatan tanpa menyedarinya. Mereka tidak memiliki harapan untuk keluar dari kegelapan tersebut. Keadaan mereka itu diumpamakan seperti satu kumpulan manusia pada malam yang sangat gelap, lalu salah seorang daripada mereka menyalakan api yang besar untuk mendapatkan kehangatan dan cahaya. Namun, apabila api itu menyala dan menerangi sekelilingnya, tiba-tiba ia padam dan mereka kembali tenggelam dalam kegelapan, tidak dapat melihat apa-apa pun di sekeliling mereka.”

Analisis:

Basmeih menterjemah perumpamaan tanpa tafsiran maknawi. Al-Muyassar menjelaskan bahawa ayat ini ialah perumpamaan tentang iman palsu para munafik – menjadikan makna kiasan lebih terserlah dan tidak disalah fahami.

Kepincangan dikenalpasti:

- i. Tiada penjelasan bahawa ini ialah perumpamaan kepada golongan munafik yang menyembunyikan kekufuran di sebalik dakwaan iman.
- ii. Potensi gagal memahami fungsi metafora dan perumpamaan dalam konteks iman palsu.

Firman Allah Taala:

﴿فَأَمَّا الزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَاءً ۖ وَأَمَّا مَا يَنْفَعُ النَّاسَ فَيَمْكُثُ فِي الْأَرْضِ﴾ [الرعد: 17]

Terjemahan Abdullah Basmeih (Abdullah Basmeih, 2001):

“Adapun buih, maka ia akan hilang sebagai sesuatu yang tidak berguna...”

Tafsir al-Muyassar (Nukhbah Min Ulama’ Tafsir, 2013):

(بمثل هذا يضرب الله المثل للحق والباطل: فالباطل كغثاء الماء يتلاشى أو يُرمى إذ لا فائدة منه، والحق

). كالماء الصافي، والمعادن النقية تبقى في الأرض للانتفاع بها.


Terjemahan: “Dengan perumpamaan seperti inilah Allah menjelaskan perbezaan antara kebenaran dan kebatilan: kebatilan itu diumpamakan seperti buih di permukaan air yang akan lenyap atau dibuang kerana tiada manfaat padanya, manakala kebenaran pula seperti air yang jernih dan logam-logam tulen yang kekal di bumi untuk dimanfaatkan oleh manusia.”

Analisis:

Basmeih hanya menyatakan kiasan fizikal. Al-Muyassar menjelaskan perumpamaan: kebenaran (al-haqq) kekal, kebatilan (al-bāṭil) laksana buih yang hilang. Ini memberi pengajaran moral dan aqidah lebih mendalam.

Kepincangan dikenalpasti:

- Terjemahan literal terhadap buih air tanpa menjelaskan maksud kiasan: kebatilan akan lenyap, hanya kebenaran kekal.
- Kehilangan nilai retorik dan hikmah maknawi dalam perumpamaan Quraniyyah.



Rajah di atas menunjukkan carta bar bertindan yang menggambarkan jumlah kepincangan dalam terjemahan Abdullah Basmeih bagi empat kategori ayat al-Quran: ayat hukum (fihiyyah), akidah (tauhidiyyah), akhlak, dan perumpamaan. Tiga jenis kepincangan utama dikenal pasti, iaitu:

1. **Ketidaktepatan semantik** – paling ketara dalam ayat fihiyyah.
2. **Ketidakselarasan konteks** – muncul dalam semua kategori, tetapi lebih menonjol dalam ayat hukum.
3. **Pengguguran unsur tafsir penting** – turut memberi kesan besar, khususnya dalam ayat tauhidiyyah dan fihiyyah.

Kesimpulan dan Rumusan Akhir Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai ketepatan terjemahan al-Quran oleh Abdullah Basmeih melalui pendekatan perbandingan dengan Tafsir al-Muyassar, yang berasaskan pendekatan tafsir semantik dan konteks. Secara umumnya, kesemua objektif kajian telah dicapai. Objektif pertama yang menumpukan kepada pengenalan bentuk kepincangan dari sudut semantik dan konteks telah dilaksanakan melalui analisis kualitatif terhadap sepuluh ayat terpilih daripada kategori ayat hukum, akidah, akhlak dan perumpamaan. Objektif kedua yang membandingkan pendekatan Abdullah Basmeih dengan Tafsir al-Muyassar berjaya menjelaskan perbezaan signifikan dari segi kejelasan makna, keterikatan kepada konteks ayat dan ketepatan pemilihan istilah. Seterusnya, objektif ketiga yang menilai kesan perbezaan terjemahan terhadap pemahaman pembaca turut telah dicapai melalui analisis wacana tafsiran yang menunjukkan bahawa kekaburan atau pengguguran makna dalam teks Basmeih boleh mengakibatkan kesan signifikan terhadap kefahaman masyarakat awam.

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa terdapat kekurangan ketara dalam pendekatan literal yang digunakan oleh Abdullah Basmeih dalam menterjemah ayat-ayat al-Quran, khususnya apabila ayat tersebut memerlukan konteks dan pentafsiran semantik bagi menjelaskan maksud tersirat. Sebaliknya, Tafsir al-Muyassar yang menekankan konteks ayat dan makna tafsiran secara ringkas tetapi padat mampu menyampaikan pengertian al-Quran dengan lebih tepat, terutama kepada pembaca awam yang tidak mempunyai latar belakang ilmu tafsir.

Sumbangan Kajian kepada Teori dan Amalan

Kajian ini menyumbang kepada perkembangan teori penterjemahan al-Quran dengan mengemukakan pendekatan tafsir semantik sebagai alternatif lebih berkesan berbanding terjemahan literal. Ia mengukuhkan lagi premis dalam teori *meaning-based translation* (Baker, 2011) dan teori *skopos* (Hatim & Munday, 2004) bahawa penterjemahan teks suci perlu mengambil kira bukan sahaja struktur bahasa, tetapi juga matlamat teks dan audiens sasaran. Pendekatan Tafsir al-Muyassar yang dikaji dalam kajian ini memperlihatkan bahawa ketepatan semantik dan penyesuaian konteks dapat dicapai tanpa mengorbankan ringkasan dan kefahaman umum.

Dari sudut praktikal, dapatan kajian ini membawa implikasi besar kepada pelbagai pihak berkepentingan. Institusi penterjemahan al-Quran seperti JAKIM, penggubal kurikulum Pendidikan Islam serta penerbit naskhah al-Quran perlu menilai semula pendekatan yang digunakan dalam penyediaan terjemahan rasmi. Sumbangan ini turut penting dalam membantu para pendidik, penyelidik dan penterjemah untuk mengenalpasti prinsip dan pendekatan terbaik

dalam menghasilkan teks terjemahan yang tidak menyimpang daripada maksud sebenar wahyu.

Cadangan Kajian Masa Hadapan

Kajian ini membuka beberapa ruang penyelidikan lanjutan yang berpotensi menyumbang kepada penambahbaikan proses penterjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu. Pertama, disyorkan agar satu **kerangka garis panduan penterjemahan al-Quran berasaskan tafsir semantik** dibangunkan secara sistematik, merangkumi piawaian pemilihan istilah, pendekatan tafsir kontekstual dan pematuhan kepada sumber tafsir muktabar. Kedua, **pembangunan modul latihan penterjemahan maknawi** untuk penterjemah dan penyunting naskhah al-Quran juga perlu dirintis, bagi memastikan proses terjemahan tidak sekadar literal tetapi berfungsi sebagai bentuk penyampaian tafsir. Ketiga, penyelidikan lanjutan boleh memfokuskan kepada **analisis ke atas kandungan terjemahan digital al-Quran** yang semakin digunakan secara meluas melalui aplikasi telefon pintar dan platform e-Quran.

Penilaian terhadap pendekatan yang digunakan dalam versi digital ini akan membantu mengenal pasti sejauh mana tafsir semantik diaplikasikan dalam era digital. Akhir sekali, kajian sosiolinguistik terhadap kefahaman dan tanggapan pembaca awam terhadap perbezaan antara terjemahan literal dan tafsir semantik turut disarankan, bagi melihat kesan langsung terhadap pendidikan dan amalan beragama.

Kesimpulannya, kajian ini menegaskan keperluan reformasi pendekatan penterjemahan al-Quran dalam konteks masyarakat Melayu kontemporari. Penekanan kepada kefahaman makna, penyesuaian konteks dan ketepatan istilah harus menjadi keutamaan dalam usaha menyampaikan mesej al-Quran secara sahih, mudah difahami dan relevan sepanjang zaman.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ) kerana telah memberi peluang kepada penulis untuk turut serta dalam penulisan artikel ini dan dibentangkan dalam seminar *International Conference on Language and Society (ICLAS2025)*.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. (2001). Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdullah, N. (2017). أسلوب ترجمة المجاز إلى التشبيه: دراسة للنصوص القرآنية المترجمة إلى اللغة الملايوية: Method of Translating Metaphor into Simile: A Study on Quranic Texts Translated into Malay Language. 2(2), 95–109. <https://doi.org/10.53840/ALIRSYAD.V2I2.21>
- Abdullah, N., Rahman, L. A., & Hamid, N. A. (2017). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan terhadap unsur kesopanan dalam sosiolinguistik Melayu: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Overview on the sense of politeness according to Malay sociolinguistic context. The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS), 4(2), 135–149.
- Al Farisi. (2023). Acceptability of the Quran translation. Al-Jami'ah Journal of Islamic Studies, Universiti Pendidikan Indonesia.
- Albahiri, A., & Alhaj, M. (2024). Linguistic obstacles faced in translating some unique Qur'anic cultural lexical items into English: Reexploring some translation approaches. World Journal of English Language, King Khalid University.

- Alenzi, A. (2024). Shortcomings in The Translation of Qur'anic Verses. *International Journal of English, Literature and Social Science*, 9(2), 073–078. <https://doi.org/10.22161/ijels.92.12>
- Al-Mullā, S. b. 'Abdillāh, et al. (2007). *Tafsīr al-Muyassar*. Riyadh: Mujaḥma' al-Malik Fahd li-Ṭibā'at al-Muṣḥaf al-Sharīf.
- Al-Sa'dī, 'Abd al-Rahmān ibn Nāṣir. (2000). *Taysīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Manān*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Azman Ariffin, K., Kadir, K. A., & Mansor, I. (2018). Archeological analysis of Arabic-Malay translation works of Abdullah Basmeih. *International Islamic University Malaysia*.
- Baker, M. (2011). *In other words: A coursebook on translation* (2nd ed.). London: Routledge.
- Bouamrane, T. (2024). *Tafsir and Qur'an Translation*. *International Journal of Translation and Interpretation Studies*. <https://doi.org/10.32996/ijtis.2024.4.2.1>
- Fakhry, M. (2004). *An interpretation of the Qur'an : English translation of the meanings : a bilingual edition*. New York University Press. Retrieved from <https://ci.nii.ac.jp/ncid/BA72563261>
- Hanapi, M. S. (2003). *Terjemahan al-Qur'an dalam pelbagai perspektif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Hatim, B., & Munday, J. (2004). *Translation: An advanced resource book*. London: Routledge.
- Hussin, M., & Kamal, M. H. (2021). Translation of al-Quran into Malay language in the Malay world. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 9(1), 11–20. <https://www.researchgate.net/publication/349861353>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2015). *Al-Quran dan Terjemahannya (Teks Abdullah Basmeih)*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad Arif Musa, Abd Muhaimin Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, Norazman Alias, Hayati Hussin, & Zainora Daud. (2018). Terjemahan ayat amthal di dalam al-Quran: Kajian terhadap Tafsir Pimpinan al-Rahman. *Journal Maalim al-Quran wa al-Sunnah*, 2, 147–156.
- Mujaḥma' al-Malik Fahd. (2007). *Muqaddimah Tafsīr al-Muyassar*. Madinah: Mujaḥma' al-Malik Fahd li-Ṭibā'at al-Muṣḥaf al-Sharīf.
- Nasimah Abdullah. (2015). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan terhadap kesepadanan terjemahan kata ganti nama diri Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam*, 8(3), 35–54. Dicapai dari <http://journal.kuis.edu.my/e-jurnal-pengajian-islam/postbilangan-8-isu-3-edisi-khas-disember-2015/>
- Nukhbah Min Ulama' Tafsir. (2013). *Tafsir al-Muyassar*. Madinah al-Munawwarah: Pusat Percetakan Mushaf Malik Fahd.
- Roslan, M. S., Rahman, N. A., & Ibrahim, S. (2018). Cabaran dalam penterjemahan al-Quran ke dalam Bahasa Melayu: Satu analisis semantik. *Jurnal Terjemahan al-Quran Nusantara*, 2(1), 55–72.
- Shukri, M. (2015). *Kritikan terhadap terjemahan harfiah al-Quran dalam konteks pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
- Wan Ramizah Hasan. (2019). *Sheikh Abdullah Basmeih*. Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Wan Ramizah Hassan. (2000). *Sumbangan Abdullah Basmeih dalam bidang tafsir: Kajian khusus terhadap kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman (Tesis Sarjana, Universiti Malaya)*.
- Yahaya, M. (2021). Tafsir al-Muyassar sebagai asas terjemahan makna al-Quran: Analisis terhadap ayat hukum. *Jurnal Pengajian al-Quran dan al-Sunnah*, 12(2), 103–120.

- Yahaya, M. H. (2021). Pendekatan tafsir ringkas dalam menangani isu terjemahan makna al-Quran Bahasa Melayu: Analisis terhadap Tafsir al-Muyassar. *Jurnal Usuluddin dan Falsafah*, 29(2), 45–60.
- Zakaria, M. F. (2023). Perkembangan amalan terjemahan al-Quran di Malaysia: Satu kajian konstrastif. *Afaq Lughawiyah*, 1(1), 55-70, 189–200.
- Zohdi, M. I. B. A. (2010). *Metode Basmeih dalam menafsirkan ayat dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Tesis Doktor Falsafah, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau).